

02 NOVEMBER 2017

## Datuk Seri pukul anggota Rela positif dadah

### Datuk Seri pukul anggota Rela positif dadah

**KUALA LUMPUR 1 Nov.** - Seorang lelaki bergelar Datuk Seri yang direman empat hari selepas didakwa memukul tiga anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) di Kampung Baru, Ampang dekat sini pada Jumaat lalu mempunyai rekod lampau berkaitan penyalahgunaan dadah.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim berkata, lelaki berusia 29 tahun itu juga positif dadah ketika saringan ujian air kencing dijalankan terhadapnya.

"Hasil pemeriksaan mendapati suspek mempunyai satu rekod kes dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Selain itu, kita akan teliti semua kegiatan suspek termasuk dakwaan pemilikan senjata api.

"Pengeluaran lesen penggunaan senjata api tertakluk kepada kebenaran Ketua Polis Negara demi keselamatan individu tertentu, namun sekiranya dia memilikinya untuk membahayakan nyawa orang lain, lesen berkenaan boleh ditarik balik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Sambutan Hari Deepavali Ibu pejabat Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur di sini hari ini.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas berhubung gambar viral lelaki itu yang didakwa memiliki pistol, Noor Rashid memberitahu, tiada sebarang senjata api ditemukan pada suspek.



**Lelaki berusia 29 tahun itu juga positif dadah ketika saringan ujian air kencing dijalankan terhadapnya."**

**NOOR RASHID IBRAHIM**  
Timbalan Ketua Polis Negara

Menurutnya, siasatan terhadap suspek buat masa ini dijalankan mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang tugas penjawat awam dan Seksyen 353 kanun yang sama kerana menggunakan kekerasan jenayah bagi menakutkan penjawat awam daripada menjalankan tugas.

Kelmarin, suspek bergelar Datuk Seri itu ditahan polis selepas tampil menyerah diri kira-kira pukul 4 petang di Ibu pejabat Polis Ampang Jaya dekat sini.

Dalam kejadian pukul 6.30 pagi, tiga anggota Rela cedera di kepala, mata serta perut selepas mendakwa dipukul dan ditendang suspek di sebuah kuil berhampiran lokasi kejadian pada Jumaat lalu.

Kejadian dikatakan bermula apabila mereka meminta lelaki terbabit mengalihkan Toyota Vellfire miliknya yang mengganggu lalu lintas, namun dia enggan berbuat demikian.



#### Datuk Seri direman 4 hari

- Seorang lelaki bergelar Datuk Seri direman empat hari bagi membantu siasatan kes pukul tiga anggota Rela baru-baru ini.
- Empat anggota Rela...



KERATAN Utusan Malaysia, semalam.